



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 (41)
Tarikh : 12 Januari 2023

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan seperti di bawah, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) serta Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :


Bil.	No Sebutharga	Keterangan Kerja	Berdaftar dengan CIDB, PKK, SPAN
1	BP 01/2023	Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan Kecil Dan Pembersihan Secara Berpusat Untuk Tempoh Satu (1) Tahun Di PPR Bersepadu Senawang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan – Tahun 2023	Gred : G2 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04, B24 & CE21 KKM : 221002 (membersih kawasan)
2	BP 02/2023	Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan Kecil Dan Pembersihan Secara Berpusat Untuk Tempoh Satu (1) Tahun Di Rumah Pangsa Wisma Sentosa, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan – Tahun 2023	Gred : G2 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04, B24 & CE21 KKM : 221002 (membersih kawasan)
3	BP 03/2023	Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan Kecil Dan Pembersihan Secara Berpusat Untuk Tempoh Satu (1) Tahun Di Rumah Pangsa Tun Dr Ismail (Templer), Daerah Seremban, Negeri Sembilan – Tahun 2023	Gred : G2 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04, B24 & CE21 KKM : 221002 (membersih kawasan)
4	BP 04/2023	Kerja-Kerja Menaiktaraf Paip Bekalan Air (Fasa 2) Serta Kerja Berkaitan Di PPR Bersepadu Senawang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan	Gred : G2 Kategori : B, CE Pengkhususan : B04, CE21 dan [CE20 @ CE39] SPAN : Permit IPA Jenis C3 (Bekalan Air)

- Kontraktor - kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut dimaklumkan bahawa tiada taklimat dan lawatan tapak. Walaubagaimanapun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak sendiri ke tapak berkaitan dengan mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) sebelum mengemukakan tawaran harga dengan lebih tepat.

3. Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga ini hendaklah membuat pendaftaran secara online melalui 'Google Form' dimana pautan link akan dimuat turun di dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan (www.ns.gov.my) pada 20 Januari 2023 (Jumaat) bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja.
4. Borang sebutharga akan mula dijual pada 25 Januari 2023 (Rabu) sehingga 01 Februari 2023 (Rabu). Pembelian borang selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang ASAL dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Hanya kontraktor yang telah mendaftar melalui 'Google Form' dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja yang dibenarkan membeli borang. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi – 12.00 tengahari
	2.45 petang – 4.00 petang

5. Sebutharga akan ditutup pada 01 Februari 2023 (Rabu) jam 12.00 tengahari. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
6. Bayaran sebanyak RM 50.00 boleh dibuat secara TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / ~~DERAF BANK~~ bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)
 Setiausaha Bahagian
 Bahagian Perumahan